

SULIT
3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Ogos
2026
1 ¼ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR

SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2026

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 23 halaman bercetak termasuk muka hadapan

[Lihat halaman sebelah]

- 1 Apakah tatacara penyediaan rekod perakaunan dalam satu tempoh kewangan?
- A Simpan kira
 - B Penyata kewangan
 - C Sistem Perakaunan
 - D Kitaran Perakaunan
- 2 Maklumat berikut diperolehi daripada Esplanade Sdn. Bhd.

Kerani akaun telah merekod sewa RM2 500 dan sewa yang belum dijelaskan RM500 dalam Penyata Kewangan.

Antara berikut, manakah andaian dan prinsip perakaunan yang tepat?

- I Prinsip kos
 - II Wang sebagai ukuran
 - III Pengiktirafan hasil dan belanja
 - IV Tempoh perakaunan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Apakah ciri bagi Klinik Dr. Mokhtar?
- A Liabiliti tidak terhad
 - B Dimiliki oleh 2 hingga 50 orang
 - C Agihan keuntungan dalam bentuk dividen
 - D Berdaftar di bawah Akta Perkongsian 1961



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

4 Apakah hasil operasi bagi Kedai Nasi Kerabu Zuliya?

- A Untung pelupusan peralatan
- B Faedah atas simpanan
- C Jualan makanan
- D Dividen pelaburan

5 Berikut urus niaga yang diambil daripada Kedai Tayar Kahar.

50% daripada jumlah inventori yang berkos RM2 000 telah dijual dengan harga RM1 500 secara kredit.

Apakah kesan terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori RM	Akaun Belum Terima RM	Untung Bersih RM
A	(2 000)	1 500	(500)
B	(1 500)	2 000	500
C	(1 000)	1 500	500
D	(1 000)	2 000	1 000

6 Apakah kepentingan dokumen perniagaan?

- A Rujukan penyediaan Penyata Kewangan
- B Menyemak ketepatan catatan bergu
- C Bahan bukti siasatan polis
- D Kawalan tunai perniagaan

[Lihat halaman sebelah]

- 7 Antara berikut, dokumen manakah dikeluarkan untuk membetulkan kesilapan invois?
- I Memo
 - II Nota Debit
 - III Nota Kredit
 - IV Resit Rasmi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Apakah tujuan penyata akaun dikeluarkan oleh pembekal?
- A Memaklumkan jumlah hutang yang perlu dijelaskan
 - B Menyemak ketepatan baki buku tunai
 - C Menyenaraikan semua urus niaga
 - D Bukti penerimaan tunai
- 9 Antara berikut, urus niaga manakah direkodkan dalam Jurnal Jualan bagi Kedai Buku Ali?
- I Membekalkan set alat tulis secara tunai kepada Puan Mazni
 - II Menjual rak pameran buku secara kredit kepada Pustaka Elit
 - III Menyediakan perkhidmatan fotostat kepada SMK Mersing secara kredit
 - IV Menjual buku penulisan secara kredit kepada Koperasi SMK Bandar Baru Berhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



10 Berikut merupakan situasi yang berlaku dalam perniagaan JD Deco Enterprise.



Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

A Dt. **Buku Tunai (Petikan)**

Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	RM	RM	RM
AH Enterprise	100		5 300

B Dt. **Buku Tunai (Petikan)**

Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	RM	RM	RM
AH Enterprise	100		5 400

C **Buku Tunai (Petikan)** Kt.

Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	RM	RM	RM
AH Enterprise	100		5 300

D **Buku Tunai (Petikan)** Kt.

Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	RM	RM	RM
AH Enterprise	100		5 400


[Lihat halaman sebelah]

- 11 Berikut merupakan maklumat Buku Tunai Runcit Amran Trading.

	RM
Baki pada 1 Januari 2026	58
Bayaran balik oleh ketua juruwang	242
Jumlah perbelanjaan runcit	169
Baki pada 31 Januari 2026	131

Berapakah rekupmen pada bulan Februari?

- A RM58
 B RM131
 C RM169
 D RM242
- 12 Maklumat berikut menunjukkan jenis-jenis lejar.



Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Akaun Jualan	Akaun Belian
B	Akaun Bank	Akaun Tunai
C	Akaun Pulangan Jualan	Akaun Pulangan Belian
D	Akaun Belum Terima	Akaun Belum Bayar

- 13 Berikut urus niaga yang diperoleh daripada Kedai Percetakan MZ.

Membeli mesin percetakan berharga RM8 400 daripada Perniagaan Annuha menggunakan cek peribadi.

Apakah catatan bergu yang tepat?

A	Akaun Bank			
	Mesin	RM 8 400		RM
	Akaun Mesin			
		RM	Bank	RM 8 400
B	Akaun Mesin			
	Modal	RM 8 400		RM
	Akaun Modal			
		RM	Mesin	RM 8 400
C	Akaun Mesin			
	Perniagaan Annuha	RM 8 400		RM
	Akaun Perniagaan Annuha			
		RM	Mesin	RM 8 400
D	Akaun Ambilan			
	Mesin	RM 8 400		RM
	Akaun Mesin			
		RM	Ambilan	RM 8 400

- 14 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Bilal Enterprise pada 31 Mac 2026.

	RM
Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Mac 2026	12 450
Belian kredit	3 850
Diskaun diterima	210
Pulangan masuk	470
Pembayaran cek kepada pembekal	4 500

Berapakah baki akhir Akaun Belum Bayar?

- A RM11 120
 - B RM11 540
 - C RM11 590
 - D RM12 010
- 15 Manakah catatan yang tepat dalam Imbangan Duga?

	Butiran	Bahagian
A	Faedah Pinjaman Bank	Kredit
B	Faedah Simpanan Tetap	Debit
C	Komisen Belum Terperoleh	Debit
D	Kadar Bayaran Belum Bayar	Kredit

16 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Salon Munirah.

2026 Mac 9	Nota kredit dihantar kepada Puan Mary untuk 1 set syampu berkos RM150 yang dijual dengan harga RM260.
---------------	---

Catatan yang manakah betul?

A

Kad Inventori 1: Syampu (Petikan)						
Dokumen	Masuk			Keluar		
	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM
Nota kredit	1	150	150			

B

Kad Inventori 1: Syampu (Petikan)						
Dokumen	Masuk			Keluar		
	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM
Nota kredit				1	150	150

C

Kad Inventori 1: Syampu (Petikan)						
Dokumen	Masuk			Keluar		
	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM
Nota kredit	1	260	260			

D

Kad Inventori 1: Syampu (Petikan)						
Dokumen	Masuk			Keluar		
	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM
Nota kredit				1	260	260

[Lihat halaman sebelah]

17 Antara berikut, butir manakah yang digunakan untuk mengira Kos Barang untuk Dijual?

- I Belian
- II Inventori akhir
- III Pulangan masuk
- IV Inventori awal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 18 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Modest Couture.

	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Inventori akhir	4 200	5 810

Apakah catatan penutupan inventori akhir?

A Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Inventori	5 810	
Akaun Perdagangan		5 810

B Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Akaun Perdagangan	5 810	
Inventori		5 810

C Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Akaun Perdagangan	4 200	
Inventori		4 200

D Jurnal Am

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Inventori	4 200	
Akaun Perdagangan		4 200



[Lihat halaman sebelah]

- 19 Berikut maklumat yang diambil daripada buku perniagaan Kedai Rizwana.

	1 Mac 2025 RM	28 Februari 2026 RM
Komisen belum terima	-	300
Komisen belum terperoleh	120	-

Buku Tunai (ruangan bank)

	RM	RM
Komisen diterima	3 250	

Berapakah komisen diterima dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM2 830
 - B RM3 070
 - C RM3 430
 - D RM3 670
- 20 Apakah hutang lapuk terpulih?
- A Hutang yang dihapuskan telah dijelaskan semula
 - B Hutang yang dianggarkan tidak dapat dikutip
 - C Hutang yang dibayar oleh pelanggan
 - D Hutang yang tidak dapat dikutip

- 21 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Perniagaan Azwa pada 31 Ogos 2025.

	Debit RM	Kredit RM
Alatan Pejabat (Kos)	12 000	
Susut Nilai Berkumpul Alatan Pejabat		1 800

Maklumat Tambahan:

Alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada 31 Ogos 2025, alatan pejabat telah dijual pada harga RM9 300.

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan?

- A Untung atas pelupusan RM630
 - B Untung atas pelupusan RM900
 - C Rugi atas pelupusan RM630
 - D Rugi atas pelupusan RM900
- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Bunga Tanjung.

Angkutan masuk RM650 telah direkodkan sebagai RM600 manakala angkutan keluar RM805 direkodkan sebagai RM855.
--

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan amaun
- B Kesilapan prinsip
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan saling mengimbangi

[Lihat halaman sebelah]

- 23 Berikut merupakan urus niaga yang berlaku dalam Perniagaan Azilea.

Membaiki alatan pejabat RM1 000 telah direkodkan ke dalam Akaun Alatan Pejabat.

Apakah kesan terhadap komponen Penyata Kewangan selepas pembetulan kesilapan?

- A Ekuiti Pemilik bertambah
- B Belanja bertambah
- C Hasil bertambah
- D Aset bertambah

- 24 Apakah rumus tokokan?

- A $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$
- B $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$
- C $\frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$
- D $\frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$



- 25 Maklumat berikut diperolehi daripada Suria Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 30 Jun 2026.

	RM
Akaun Belum Terima	7 650
Inventori Awal	5 250
Inventori Akhir	5 850
Overdraf Bank	3 750
Akaun Belum Bayar	4 550

Berapakah nisbah semasa?

- A 0.61 : 1
 - B 1.63 : 1
 - C 2.26 : 1
 - D 2.97 : 1
- 26 Semua rekod perakaunan Perniagaan Denai Maju telah musnah semasa banjir. Pemilik perniagaan ingin menentukan untung atau rugi perniagaan.

Apakah kaedah yang boleh digunakan?

- A Kaedah Penilaian Semula
- B Kaedah Perbandingan
- C Kaedah Garis Lurus
- D Kaedah Analisis

[Lihat halaman sebelah]

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Ilmu Bintang Sdn. Bhd.

	RM
Modal pada 1 Julai 2025	50 000
Modal pada 30 Jun 2026	65 400
Modal tambahan	5 000
Ambilan	500

Berapakah untung atau rugi bersih?

- A Untung bersih RM10 900
 - B Untung bersih RM19 900
 - C Rugi bersih RM10 900
 - D Rugi bersih RM19 900
- 28 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Bunga Safiyyah.

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Jan 2025	1 800
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Dis 2025	2 700
Jualan tunai	4 700
Kutipan daripada Akaun Belum Terima	8 873

Berapakah jumlah jualan?

- A RM7 973
- B RM9 773
- C RM12 673
- D RM14 473

- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan tugas pekerja Razmi Sdn. Bhd.

Encik Suhaimi	Membuat pembayaran tunai.
Cik Farah	Merekodkan pembayaran tunai ke dalam buku perniagaan.

Apakah tujuan syarikat melantik pekerja tersebut?

- A Mengelakkan pembaziran wang
 - B Mengelakkan berlakunya penyelewengan
 - C Meningkatkan prestasi kewangan perniagaan
 - D Memastikan agar syarikat mempunyai lebihan tunai
- 30 Petikan di bawah diperoleh daripada Malek Enterprise.

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki
2025		RM	RM	RM
Okt. 1	Baki b/b			(850)
3	R	30		(880)
7	Pindahan kredit - Amira		1 126	246

Apakah **R**?

- A Faedah atas simpanan
- B Deposit cek
- C Buku cek
- D Dividen

[Lihat halaman sebelah]

- 31 Maklumat di bawah menunjukkan anggaran jualan Zaim Trading.

Bulan	RM
Februari	30 000
Mac	40 000

Maklumat Tambahan:

60% daripada jualan adalah secara kredit dan diterima pada bulan berikutnya.

Berapakah jumlah penerimaan tunai pada bulan Mac?

- A RM34 000
 - B RM36 000
 - C RM40 000
 - D RM42 000
- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada Firma Guaman Amin & Jusoh pada 31 Mac 2026.

	RM
Untung bersih	50 780
Faedah atas modal Amin	4 000
Faedah atas modal Jusoh	6 000
Ambilan Amin (30 September 2025)	3 000

Maklumat Tambahan:

- i. Faedah atas ambilan sebanyak 6% setahun.
- ii. Nisbah untung atau rugi antara Amin dan Jusoh ialah 2 : 3.

Berapakah kongsi untung Amin?

- A RM24 276
- B RM24 240
- C RM16 384
- D RM16 348



- 33 Maklumat diperoleh daripada Perkongsian Syahmi & Syazlina.

Akaun Realisasi (petikan)	
RM	RM
	Bank
	4 000

Apakah urus niaga bagi catatan di atas?

- A Pembayaran belanja realisasi
- B Perolehan daripada penjualan perabot pejabat
- C Penerimaan diskaun kerana menjelaskan hutang
- D Penyelesaian hutang kepada pembekal

[Lihat halaman sebelah]

34 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Alpha Berhad.

2026	
Januari 1	Syarikat menerbitkan 2 000 000 unit syer biasa pada harga RM1.50 sesyer
25	Permohonan telah ditutup dan wang diterima berjumlah RM2 300 000
31	Wang kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja jamin

Manakah catatan yang betul bagi urus niaga pada 31 Januari 2026?

A

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Bank	300 000	
Permohonan Syer Biasa		300 000

B

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Bank	700 000	
Permohonan Syer Biasa		700 000

C

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Permohonan Syer Biasa	300 000	
Bank		300 000

D

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Permohonan Syer Biasa	700 000	
Bank		700 000



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 35 Pada 1 Jun 2025, Hanna Berhad telah menerbitkan 400 000 unit 8% syer keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 150 000 unit syer biasa pada harga RM0.50 sesyer.

Pada 31 Mei 2026, lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen 4 sen sesyer kepada syer biasa.

Berapakah jumlah dividen?

- A RM19 000
 - B RM22 000
 - C RM35 000
 - D RM38 000
- 36 Apakah yang dimaksudkan dengan Yuran Belum Terperoleh?
- A Yuran tahun hadapan yang telah diterima pada tahun kewangan semasa
 - B Yuran tahun lepas yang belum diterima pada tahun kewangan semasa
 - C Yuran tahun perakaunan semasa yang masih belum diterima
 - D Yuran yang diterima dalam tempoh perakaunan semasa
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Belia Seri Medan yang mempunyai 350 orang ahli dengan yuran tahunan adalah RM50 seorang.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran (petikan)			
	RM		RM
Yuran ahli	20 800	Peralatan kelab	4 450
Derma ubah suai studio	5 000	Kadar bayaran	750
		Belanja am	600

Berapakah lebihan?

- A RM16 150
- B RM16 700
- C RM19 450
- D RM20 000

[Lihat halaman sebelah]

- 38 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Ragbi Sri Pantai pada 1 Mei 2025.

	RM
Yuran Belum Terima	450
Yuran Belum Terperoleh	1 150
Bank	11 000
Bangunan Kelab	41 200

Maklumat Tambahan:

- i. Kelab mengalami kurangan RM5 220.
- ii. Derma peralatan ragbi RM6 000.

Berapakah dana terkumpul pada 30 April 2026?

- A RM46 280
B RM47 680
C RM52 280
D RM53 680
- 39 Antara berikut, manakah merupakan kos prima bagi Perusahaan Kerepek Azhar?
- I Cap dagangan
II Upah operator
III Gaji pengurus
IV Sewa kilang
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Baju SBG Worldwide untuk pengeluaran 1 000 helai baju.

	RM
Kos Tetap	140 000
Buruh Langsung	15 000
Bahan Langsung	25 000
Jualan	60 000

Berapakah helai baju yang perlu dijual jika untung sasaran RM16 000?

- A 3 100 helai
- B 3 900 helai
- C 6 200 helai
- D 7 800 helai

KERTAS SOALAN TAMAT



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah]